



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

RUANG DAYA CIPTA (RDC) MELAKA: PLATFORM PERKUKUH EKOSISTEM INOVASI AKAR UMBI

MELAKA, 3 DISEMBER 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) terus giat melaksanakan inisiatif memperkasakan komuniti melalui pengoperasian Ruang Daya Cipta (RDC) di Melaka. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi nasional yang digariskan oleh MOSTI bagi meningkatkan kesedaran, pemahaman dan penerapan elemen Sains, Teknologi, dan Inovasi (STI) dalam kalangan masyarakat, khususnya mereka yang berada di kawasan luar bandar.

RDC berperanan sebagai platform komuniti yang menyediakan akses kepada kemudahan, peralatan dan latihan yang berkaitan dengan bidang (STI). Melalui RDC, masyarakat tempatan berpeluang mengembangkan potensi daya cipta serta membangunkan penyelesaian inovatif yang relevan dan mampan di peringkat akar umbi.

Sehingga kini, sebanyak 23 buah RDC telah dibangunkan di seluruh negara, iaitu empat (4) buah di Sabah dan Johor; dua (2) masing-masing di Pahang, Sarawak, Kelantan, Selangor dan Perak; serta sebuah masing-masing di Negeri Sembilan, Terengganu, Kedah, Kuala Lumpur dan Melaka.

RDC Melaka yang telah siap dibangunkan pada Mac 2025, dilengkapi dengan pelbagai kemudahan teknologi seperti komputer, pencetak 3D dan studio digital, bagi menyokong pembangunan kemahiran teknologi dan kreativiti dalam kalangan komuniti setempat. Pembinaan pusat ini adalah jalinan sinergi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melaka, selaras dengan pelaksanaan Dasar Inovasi Sosial (DIS) yang menekankan pembinaan ekosistem STI yang inklusif dan memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi.

Majlis Perasmian RDC Melaka, telah berlangsung pada 3 Disember 2025 yang disempurnakan oleh Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Majlis ini turut menghimpunkan kehadiran para pemegang taruh, rakan strategik, ahli akademik serta komuniti setempat. RDC Melaka yang bertempat di Melaka International College of Science and Technology (MiCoST) merupakan satu-satunya fasiliti RDC di Negeri Melaka.

RDC Melaka dijangka memberi impak positif yang besar kepada komuniti di sekitar Melaka khususnya dalam usaha memperkasakan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi dan inovasi. RDC turut berfungsi sebagai platform untuk mencetus dan membangunkan idea-idea baharu yang berpotensi untuk dikomersialkan, seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan. Pendekatan ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam membina ekosistem inovasi sosial yang mampan, inklusif dan berdaya saing, seiring dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030, seperti yang digariskan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030.

Melalui RDC, YIM memainkan peranan signifikan dalam merakyatkan inovasi kepada komuniti setempat. Ini dibuktikan dengan beberapa aktiviti dan program yang dikendalikan di RDC seluruh negara dianjurkan secara inklusif dan kesemua masyarakat terutama penduduk sekitar menerima manfaat dan akses secara langsung kepada STI. Dengan penambahbaikan pembelajaran dan Modul Latihan STIE, RDC akan terus berkembang sebagai *Centre of Excellence for Innovation* pada masa hadapan serta memacu penglibatan masyarakat dalam inovasi dengan menyediakan akses teknologi moden, sekaligus meningkatkan taraf hidup dan memperkukuh ekonomi berasaskan teknologi.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
1 DISEMBER 2025